

## **BAB 3: METODOLOGI**

Bab ini menjelaskan bagaimana kaedah kajian ini dijalankan setelah mengkaji kajian-kajian lepas tentang tajuk ini. Pemilihan kaedah dan kerangka konseptual untuk menjalankan kajian ini diuraikan, diikuti dengan penerangan pelbagai protokol kajian kualitatif seperti pemerhatian kelas, temu bual, jurnal pensyarah dan pelajar, refleksi pengkaji serta dokumen-dokumen kurikulum berkenaan yang digunakan untuk mendapatkan data untuk kajian ini. Protokol-protokol yang digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data juga diterangkan secara terperinci dalam bab ini.


### **3.1 Kerangka Konseptual**

Memandangkan fokus kajian ini adalah untuk mengkaji kesejajaran pelaksanaan kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari, maka rangka konseptual yang digunakan untuk menguraikan kesejajaran tersebut diadaptasikan daripada model pengauditan kurikulum English (1992) dan pendekatan penilaian proses pelaksanaan kurikulum daripada perspektif iluminatif Parlett dan Halmiton (1977) seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.1.

Dua konsep dalam pendekatan iluminatif iaitu sistem pengajaran dan milieu pembelajaran digunakan sebagai garis panduan untuk meneliti proses pelaksanaan kurikulum tersebut. Elemen-elemen sistem pengajaran merupakan rancangan dan pernyataan formal tentang sesuatu urusan pengajaran yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Elemen sistem pengajaran yang digunakan untuk kajian ini termasuk sukatan pelajaran, informasi kursus, spesifikasi penilaian, kalendar akademik, skema mingguan dan kaedah pengajaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan. Manakala milieu pembelajaran merupakan kelengkapan dalam kelas, kebudayaan tempat kerja di institusi

untuk kajian ini yang menghasilkan satu persekitaran pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Saiz kawasan pertindihan antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran, kurikulum pengajaran dengan kurikulum dipelajari dan kurikulum bertulis dengan kurikulum dipelajari serta pertindihan antara ketiga-tiga jenis kurikulum dipaparkan pada rajah 3.1. Menurut English (1992), pertindihan seratus peratus ketiga-tiga jenis kurikulum yakni tiga bulatan menjadi satu menunjukkan bahawa segala yang ternyata dalam kurikulum bertulis disampaikan dan dipelajari seperti yang diinginkan merupakan satu ideal.



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

### 3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk mendapat data. Thornton (1985a) menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk menjalankan kajian tentang kesejajaran kurikulum sejarah di Amerika Syarikat dengan menggunakan protokol seperti analisis dokumen, pemerhatian kelas dan temu bual dengan guru dan pelajar. Beliau menggunakan kaedah pemahaman seni (*connoisseurship*) dan kritis pendidikan untuk menganalisis data. Smith (1991) mengkaji perhubungan antara kurikulum berniat dengan kurikulum terancang dan kurikulum yang sebenar dilaksanakan dalam kelas dengan cara menganalisis dokumen dan pemerhatian kelas dari perspektif etnografi. Fullan and Pomfret (1977) fokus kepada analisis kandungan, pemerhatian kelas, soal selidik, temu bual dalam kajiannya untuk mengkaji perhubungan antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran.

Kebanyakan kajian yang melibatkan proses pelaksanaan kurikulum mengaplikasikan kaedah kualitatif dan protokol yang digunakan termasuk pemerhatian kelas, temu bual dan analisis dokumen untuk mendapatkan data (Bekalo & Welford, 2000; Brown, 2002; Brown, 2009; Menis, 1991; Thornton, 1985a; Turner, 2003; Wiseman & Brown, 2003). Namun, kajian Verhoeven and Verloop (2002) serta Schmidt et al. (2002) menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Lentz (2007) menggunakan kaedah campuran (*mixed method*), iaitu menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data.

Menurut Draper (1996) kaedah soal selidik yang memerlukan pelajar mengimbas kembali perkara yang telah dialami dalam kelas tidak dapat memberikan informatif yang mendalam dan lengkap. Beliau mengatakan kaedah soal selidik berdasarkan ingatan seseorang, namun ingatan seseorang adalah terhad. Maka, informasi yang dikumpul melalui soal selidik adalah kurang bernilai daripada

pemerhatian dalam kelas. Pemerhatian kelas dan temu bual dapat membekalkan informasi yang lebih mendalam daripada soal selidik.

Van Rensburg (2007) mengatakan kaedah kualitatif telah mengalami satu paradigma dalam bidang pendidikan pada tahun 60-an. Sebelum tahun 60-an kaedah kajian yang dominan dalam bidang pendidikan ialah kajian kuantitatif. Kaedah kajian kuantitatif mengkaji fenomena berdasarkan pengenalpastian teori yang sedia ada dan hipotesis. Manakala kaedah kualitatif merupakan pendekatan interpretasi yang dipengaruhi oleh kajian kemanusiaan dan sosial sains pada masa itu. Kajian kualitatif meneliti fenomena berdasarkan epistemologi subjektifis ataupun konstruktifis. Secara umum, pengkaji kualitatif mengkaji sesuatu fenomena secara interpretif dengan cara memahami interpretasi peserta terhadap dunia mereka, dan membentuk teori berdasarkan situasi atau fenomena daripada data kajian, contohnya pendekatan kajian iluminatif (Parlett & Hamilton, 1977) dan “*grounded theory*” (Van Rensburg, 2007).

Melalui perbincangan di atas, jelas dilihat bahawa kajian yang berkaitan dengan proses pelaksanaan, umumnya mengaplikasikan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif yang melibatkan deskripsi yang menyeluruh dan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Menurut Creswell (2005) salah satu ciri-ciri kaedah kualitatif ialah “*the problems need to be explored to obtain a deep understanding*” ( hlm. 54), dan kaedah kajian ini dapat menghasilkan satu penyelidikan yang mempunyai kebenaran yang holistik dengan menerokai fenomena daripada pelbagai dimensi. Tambahan, kaedah kajian kualitatif lebih tepat untuk menjelaskan kebenaran kerana pengkaji ialah instrumen utama. Ini bermakna pengkaji melibatkan diri secara langsung dalam pengumpulan dan penginterpretasian data (Merriam, 1998).

Memandangkan kajian ini memerlukan deskripsi yang menyeluruh dan pemahaman yang mendalam untuk meneliti keadaan sebenar pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin dari aspek kesejajaran kurikulum bertulis dengan kurikulum

pengajaran dan kurikulum dipelajari, maka kaedah kajian kualitatif amat sesuai diaplikasikan untuk kajian ini.

### **3.3 Tapak Kajian**

Tapak kajian atau lapangan kajian merujuk kepada tempat peserta kajian menjalankan aktiviti harian ataupun tugas mereka untuk tujuan kajian tertentu. Tapak kajian membekalkan informasi data emik dan data yang dapat menginterpretasikan persepsi peserta tentang sesuatu fenomena (Creswell, 2005).

Justeru itu, tapak kajian ini ditetapkan di salah satu universiti daripada IPTA di Malaysia yang menawarkan kursus bahasa Mandarin sejak akhir tahun 60-an. Universiti ini menawarkan kursus bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek keperluan universiti. Antara 20 buah IPTA di Malaysia, universiti ini mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai sekali yang mengambil kursus bahasa Mandarin. Terdapat lebih kurang lapan ribu pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin di kampus utama universiti ini pada setiap semester. Jumlah pelajar tersebut tidak termasuk pelajar daripada 13 buah cawangan universiti ini. Pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin di universiti ini terdiri daripada pelajar bumiputra. Terdapat seramai 21 orang pensyarah tetap dan lima orang pensyarah kontrak bahasa Mandarin di kampus utama universiti ini. Lima orang pensyarah kontrak tersebut ialah warganegara China yang beragama Islam. Berdasarkan latar belakang tersebut, universiti ini dipilih sebagai tapak kajian kerana mengikut Corbin & Strauss (2008), data kualitatif dipungut daripada tempat, orang dan peristiwa yang dapat memaksimumkan peluang untuk membentuk konsep.

### **3.4 Peranan Pengkaji**

Pengkaji ialah instrumen utama dalam kajian kualitatif, ia menguruskan segala aktiviti dalam proses pengumpulan data dan analisis data sehingga satu produk yang

kaya dengan deskripsi dihasilkan (Merriam, 1998). Merriam juga menyatakan tiga ciri bagi seseorang pengkaji kualitatif, iaitu kesabaran terhadap kekaburan, sensitif terhadap konteks dan data serta kemahiran berkomunikasi.

Kajian kualitatif bergantung kepada kebijaksanaan pengkaji untuk mengumpul data daripada peserta kajian, yakni termasuk mendapat informasi yang ada dalam pemikiran pengkaji yang tidak dapat dijumpai melalui pemerhatian kelas ataupun dokumen (Merriam, 1998). Walaupun pengkaji boleh merujuk kepada panduan daripada pakar ataupun pengalaman pengkaji dalam bidang tertentu semasa menjalankan kajian kualitatif, tetapi tidak ada satu garis panduan terbaik yang boleh diikuti langkah demi langkah. Oleh yang demikian, pengetahuan dan pengalaman pengkaji adalah penting untuk mendapat data yang bermakna dan menganalisis serta menginterpretasi data dengan mahirnya.

Perana pengkaji dalam kajian ini bertindak sebagai pengkaji pemerhatian tanpa penglibatan, iaitu seorang pengkaji yang melawat kerja lapangan dan memerhati, membuat nota serta merakam video dalam kelas tanpa melibatkan diri dalam aktiviti peserta (Creswell, 2005). Pengkaji pemerhatian tanpa penglibatan boleh mengelakkan pengkaji daripada mempengaruhi proses pelaksanaan kurikulum pengajaran dalam kelas dan temu bual peserta kajian. Walaupun pengkaji merupakan salah seorang pensyarah yang berkhidmat lebih dari 10 tahun di tempat kajian ini, pengkaji memerhati dan merekod segala fenomena untuk kajian ini semasa kajian lapangan tanpa campur tangan dalam proses pengajaran.

Menurut Corbin dan Strauss (2008), pengalaman kehidupan pengkaji yang sama dengan peserta kajian membolehkan pengkaji memahami secara mendalam penerangan peserta terhadap fenomena tertentu, sungguhpun terdapat kritikan yang mengatakan adalah bias sekiranya menggunakan data peribadi. Corbin dan Strauss menghujahkan bahawa *“We are not suggesting that a researcher impose his or her or our experience*

*upon the data. Rather, we want to use our experiences to bring up other possibilities of meaning.*” (hlm. 80) dan *“We find it more helpful to acknowledge our biases and experiences and consciously use experience to enhance the analytic process.”* (hlm.85).

Pendek kata, pengalaman pengkaji bukan didedahkan untuk menjadi data kajian, tetapi menggunakan pengalaman pengkaji untuk memberi makna kepada data dan meningkatkan proses analitik.

Sebelum kajian ini dijalankan, protokol untuk mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan terhadap tempat kajian selama satu semester, iaitu dari September 2012 hingga Disember 2012 telah dilaksanakan. Surat persetujuan daripada peserta kajian juga ditandatangani oleh peserta kajian sebelum kajian ini dilaksanakan. Pada masa itu, kerahsiaan peserta kajian dan hak peserta kajian turut diterangkan kepada peserta kajian oleh pengkaji. Temu bual dijalankan oleh pengkaji sendiri untuk setiap peserta. Setelah temu bual, semua rakaman audio yang dirakamkan semasa temu bual ditranskripsikan secara verbatim oleh pengkaji sendiri juga.

### **3.5 Tempoh Kajian**

Kursus bahasa Mandarin untuk Ijazah Sarjana Muda di universiti ini mempunyai tiga tahap. Setiap tahap mengambil masa selama satu semester iaitu 14 minggu (28 jam), dan setiap minggu pelajar menghadiri kelas sekali selama dua jam. Justeru itu, tempoh kajian ini mengambil masa selama satu semester untuk kelas kursus bahasa Mandarin pada tahap III. Daripada 14 minggu tersebut didapati ada empat minggu pelajar terlibat dalam peperiksaan. Jadi, masa yang dibenarkan untuk membuat pemerhatian kelas agak terhad. Sepanjang masa tempoh kajian, pengkaji membuat pemerhatian kelas sebanyak tiga kali untuk setiap kelas, dan setiap pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini menghadiri tiga kali temu bual. Sungguhpun peserta kajian menghadapi masalah kekangan masa, pengkaji mendapat sokongan dan

kerjasama yang amat memberangsangkan daripada peserta kajian. Dengan kerjasama peserta kajian, pemerhatian kelas dan temu bual dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

### **3.6 Peserta Kajian**

Creswell (2005) mengatakan demi menjalankan peninjauan yang mendalam terhadap sesuatu fenomena, pengkaji akan memilih peserta dan tapak kajian secara bertujuan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih peserta yang dapat memberi data yang kaya dengan deskripsi untuk menerangkan fenomena yang dikaji.

Kajian kualitatif tidak menetapkan bilangan peserta dalam satu kajian (Merriam, 1998). Menurut Bailey (2006) bilangan yang dipilih untuk persampelan bertujuan sentiasa kecil, yang penting ialah peserta yang dipilih itu kaya dengan informasi untuk kajian yang sistematik. Dalam kajian ini, tiga orang pensyarah dipilih dan mendapat persetujuan daripada mereka untuk menjalankan kajian ini. Pensyarah tersebut dipilih berdasarkan dua kriteria, iaitu pensyarah itu sekurang-kurangnya memegang satu kelas kursus bahasa Mandarin pada tahap III semasa kajian ini dijalankan, dan pensyarah berkenaan mesti pernah mengajar ketiga-tiga tahap kursus bahasa Mandarin di universiti ini. Kriteria tersebut ditetapkan atas sebab pengetahuan dan pengalaman pensyarah tentang kurikulum bahasa Mandarin lebih sempurna dan holistik sekiranya pensyarah pernah mengajar ketiga-tiga tahap bahasa Mandarin. Dengan itu, pensyarah kajian ini dapat membekalkan data yang berguna untuk menjawab soalan kajian.

Selain daripada tiga orang pensyarah, tiga orang pelajar daripada setiap kelas pensyarah berkenaan ataupun semuanya sembilan orang pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kelas dipilih berdasarkan jadual waktu pensyarah supaya tidak mempunyai pertindihan kelas antara ketiga-tiga pensyarah. Kriteria utama dalam



pemilihan peserta pelajar ialah mereka tidak mempunyai latar belakang pengetahuan bahasa Mandarin sebelum menyertai kursus bahasa Mandarin di universiti ini. Namun, terdapat seorang pelajar iaitu Lisa pernah belajar bahasa Mandarin selama setahun, iaitu ketika beliau belajar di sekolah rendah pada darjah lima. Apabila mengetahui Lisa pernah mengambil kursus bahasa Mandarin, sebenarnya beliau tidak memenuhi kriteria pemilihan peserta untuk kajian ini. Namun, apabila menguji kebolehan Lisa untuk bertutur dalam bahasa Mandarin, beliau bukan setakat tidak dapat bertutur apa-apa, malahan lebih lemah daripada peserta lain yang pertama kali mengikuti kursus bahasa Mandarin. Sehubungan dengan itu, beliau diambil sebagai peserta kajian juga agar beliau dapat mengayakan lagi data untuk kajian ini.

Selain itu, pada asalnya pencapaian pelajar dalam bahasa Mandarin pada tahap I dan II digunakan sebagai justifikasi pemilihan pelajar, iaitu memilih pelajar berdasarkan pencapaian penilaian cemerlang, sederhana dan gagal tanpa mengambil kira gender. Namun, didapati dalam ketiga-tiga kelas pensyarah berkenaan, tidak mempunyai pelajar yang gagal kedua-dua tahap bahasa Mandarin. Justeru itu, peserta pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini dipilih secara rawak dan secara sukarela. Gender dan bidang akademik yang diikuti pelajar juga tidak diambil kira semasa pemilihan peserta kajian. Daripada sembilan orang peserta kajian, terdapat 5 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan. Kesemua duabelas orang peserta iaitu 3 orang pensyarah dan 9 orang pelajar juga dipilih atas kesanggupan peserta untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Ini kerana rakaman video dilaksanakan semasa pemerhatian kelas dan rakaman audio dijalankan semasa temu bual. Tambahan pula, peserta juga diberitahu untuk menulis jurnal atau diari sebagai refleksi mereka terhadap kelas bahasa Mandarin.

Peserta kajian juga dimaklumkan tentang perlindungan daripada kerahsiaan identiti dan kebebasan untuk menarik diri sepanjang masa kajian ini (Larsson &

Holmström, 2007). Surat persetujuan untuk menjadi peserta secara sukarela untuk kajian ini telah ditandatangani oleh kesemua 12 orang peserta kajian. Jadual 3.1 dan jadual 3.2 menunjukkan latar belakang peserta pensyarah dan peserta pelajar masing-masing. Peserta kajian ini dikenali dengan menggunakan nama samaran agar identiti setiap peserta kajian dapat dirahsiakan.

Jadual 3.1: Latar Belakang Pensyarah

No	Pensyarah	Pengalaman mengajar	Latar belakang akademik
1	Hanna	1.5 tahun	Kejuruteraan
2	Sophia	5 tahun	Pengurusan perniagaan; Linguistik
3	Terry	7 tahun	Pengajian Tionghua

Jadual 3.2: Latar Belakang Pelajar

No	Pelajar	Fakulti
1.	Aiman	Kejuruteraan Mekanikal
2.	Daim	Kejuruteraan Mekanikal
3.	Ehsan	Kejuruteraan Mekanikal
4.	Lisa	Akademi Pengajian Bahasa
5.	Rizal	Akademi Pengajian Bahasa
6.	Sheila	Akademi Pengajian Bahasa
7.	Farah	Kejuruteraan Kimia
8.	Khamal	Kejuruteraan Kimia
9.	Melini	Kejuruteraan Kimia

### 3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Yin (2003) protokol kajian termasuk instrumen kajian, prosedur dan peraturan umum harus diikuti. Protokol kajian ialah panduan pengkaji semasa menguruskan kajian dan merupakan satu kaedah utama untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian (Yin, 2003). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan berdasarkan protokol yang dicadangkan oleh pakar-pakar seperti Corbin dan Strauss (2002), Cresswell (2002), Merriam (1998), Yin (2003) dan kajian-kajian lepas dalam bidang kajian ini.

Pengumpulan data untuk kajian ini menggunakan protokol kaedah kajian kualitatif iaitu pemerhatian kelas, temu bual dan analisis dokumen-dokumen seperti

dokumen kurikulum, catatan lapangan kajian, jurnal penyarah dan pelajar. Pengumpulan data daripada pelbagai sumber merupakan salah satu proses triangulasi untuk mempertingkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian kualitatif (Creswell, 2005).

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan iluminatif untuk mengkaji proses pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin, maka data dikumpul berdasarkan dua konsep pendekatan iluminatif, iaitu sistem pengajaran dan milieu pembelajaran (Parlett & Hamilton, 1977; Van Rensburg, 2007). Data dan informasi daripada dokumen-dokumen kurikulum bertulis didapati daripada Unit Bahasa Mandarin berkenaan untuk mendapat data tentang kurikulum bertulis bahasa Mandarin sebelum pemerhatian kelas dan temu bual dilaksanakan. Seterusnya, jurnal peserta dikutip selepas pemerhatian kelas dan temu bual dijalankan.

Setiap kali sebelum pemerhatian kelas dan temu bual dilaksanakan, pengkaji sentiasa memastikan kuasa bateri alat-alat elektronik yang digunakan untuk merakam video dan audio dalam keadaan “ penuh”. Namun, masalah bateri video tidak berfungsi masih berlaku pada pemerhatian kelas Hanna pada 5 Oktober 2012. Hal ini menyebabkan pemerhatian kelas tambahan dijalankan pada minggu seterusnya (12/10/2012) untuk menggantikan pemerhatian kelas pada 5 Oktober 2012. Di samping itu, protokol pemerhatian kelas dan temu bual seperti soalan semi terbuka untuk temu bual telah siap sedia sebelum tarikh yang ditetapkan untuk memungut data tersebut.

### **3.7.1 Pemerhatian Kelas**

Pemerhatian merupakan salah satu sumber penting untuk data kaedah kualitatif, ia dijalankan di lapangan kajian tertentu untuk mendapat data secara langsung. Pemerhatian adalah penting kerana perkara yang dianggap rutin oleh peserta kajian dapat ditemui oleh pengkaji dan data dari sumber berkenaan mungkin akan memberi pemahaman dan penjelasan kepada sesuatu fenomena. Pemerhatian juga dapat

merekodkan kelakuan peserta kajian semasa lapangan kajian dilaksanakan dan mendapat data yang tidak dapat diberitahu oleh peserta semasa temu bual dijalankan (Merriam, 1998). Maka, untuk meneliti pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin, pemerhatian kelas merupakan salah satu sumber utama untuk data kajian. Hal ini demikian kerana pemerhatian kelas dapat mengutip data tentang perkara yang sebenarnya berlaku dalam kelas (Van Rensburg, 2007).

Pemerhatian kelas sebanyak tiga kali telah dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dalam kelas selama satu semester, kecuali kelas Hanna dijalankan empat kali seperti yang diterangkan tersebut. Setiap pemerhatian mengambil masa dua jam. Biasanya pengkaji sampai ke kelas 15 minit lebih awal untuk membuat persediaan dan penyiapan sebelum kelas bermula. Semasa pemerhatian kelas, pengkaji duduk di belakang kelas dan mencatat pemerhatian kelas secara terperinci mengikut protokol pemerhatian. Ada kalanya agak susah untuk mencari satu tempat yang sesuai untuk pengkaji semasa pemerhatian kelas kerana masalah ruang dalam kelas, khususnya kelas Terry. Pengkaji memerhatikan persekitaran kelas seperti kelengkapan kelas, bagaimana pensyarah menyampaikan bahan pengajaran, interaksi pensyarah dengan pelajar ataupun sebaliknya dan aktiviti kelas. Protokol catatan pemerhatian kelas telah dibentuk dan disemak oleh tiga orang pakar yang mempunyai lebih daripada 15 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan sebelum kerja lapangan dijalankan. Daripada catatan lapangan kerja, satu refleksi tentang pemerhatian kelas tertentu juga direkod oleh pengkaji.

### **3.7.2 Temu Bual**

Menurut Yin (2003) temu bual merupakan salah satu data yang paling penting untuk kajian kualitatif. Merriam (1998) mengatakan temu bual penting kerana kita tidak dapat mengetahui kelakuan, perasaan dan bagaimana seseorang menginterpretasikan dunia di sekeliling mereka melalui pemerhatian. Temu bual juga penting untuk peserta

membuat refleksi tentang pengalaman lepas supaya wujud kesefahaman antara pengkaji dengan peserta terhadap pengalaman yang dialami oleh peserta kajian. Tambahan, temu bual dapat menjelaskan atau menjadi bukti data yang didapati daripada pemerhatian kelas atau dokumen-dokumen seperti jurnal peserta (Merriam, 1998).

Temu bual berbentuk semi struktur digunakan sebagai panduan untuk bertemu bual dengan pensyarah dan pelajar untuk kajian ini. Satu senarai soalan atau isu yang ingin ditinjau digunakan sebagai panduan semasa temu bual dijalankan. Soalan yang dikemukakan kerap menggunakan kata tanya “apa” dan “bagaimana” untuk mengelakkan jawapan ia atau tidak yang boleh mempengaruhi pengutipan data yang “kaya” dengan deskripsi. Soalan temu bual untuk kajian ini juga telah disemak oleh tiga orang pakar yang mempunyai lebih daripada 15 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan.

Temu bual untuk kajian ini dijalankan selepas pemerhatian kelas. Sepanjang tempoh masa kajian ini, temu bual dijalankan sebanyak tiga kali untuk setiap peserta. Setiap temu bual mengambil masa dari 30 minit hingga 90 minit. Temu bual pertama untuk kesemua peserta kajian mengambil masa lebih daripada 60 minit. Ini kerana dalam temu bual pertama, selain daripada mengumpul data tentang pemerhatian kelas pertama, latar belakang peserta dan pandangan peserta tentang konsep untuk fenomena kajian ini juga ditanya. Temu bual kedua dan ketiga memfokus kepada pemerhatian kelas tertentu dan juga untuk mendapat keterangan lanjut tentang data yang dikutip daripada pelbagai sumber sebelumnya daripada peserta. Temu bual ketiga selain daripada mendapatkan data tentang pemerhatian kelas ketiga, fokus temu bual juga diberikan kepada membuat rumusan tentang kursus bahasa Mandarin yang dialami oleh pelajar. Di samping itu, pelajar meramalkan pencapaian akademik bahasa Mandarin masing-masing.

Temu bual sepatutnya dijalankan secepat mungkin selepas kelas pemerhatian kerana segala perkara yang berlaku dalam kelas masih segar dalam fikiran peserta kajian. Namun, jadual waktu pensyarah dan pelajar tidak membenarkan temu bual dijalankan selepas kelas pada hari yang sama dengan kelas pemerhatian, bahkan dijalankan dalam tempoh masa seminggu selepas kelas pemerhatian. Sungguhpun begitu, temu bual ketiga dijalankan dalam tempoh sebulan setelah pemerhatian kelas ketiga. Ini kerana peserta kajian membuat permintaan supaya temu bual dijalankan semasa cuti belajar atas sebab mereka sangat sibuk pada hujung semester. Satu sebab lagi temu bual ditangguhkan dan dijalankan pada minggu cuti belajar kerana masa itu semua kursus sudah tamat, pelajar dapat membuat rumusan tentang kursus bahasa Mandarin secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, pengkaji menonton rakaman video dan membaca catatan pemerhatian kelas sebelum temu bual ketiga dilaksanakan. Semasa temu bual ketiga, pengkaji mengimbas kembali kelas pada pemerhatian ketiga secara ringkas bersama pelajar sebelum temu bual bermula.

### **3.7.3 Dokumen-dokumen**

Dokumen ialah sumber data kajian kualitatif selain daripada pemerhatian dan temu bual. Dokumen merangkumi segala bahan bertulis, visual, dan fizikal yang sedia ada dan relevan dengan kajian (Merriam, 1998). Mengikut Yin (2003) dokumen digunakan sebagai sokongan dan bukti tambahan untuk data yang diperolehi daripada sumber lain. Data yang tidak dapat diterokai melalui pemerhatian dan temu bual, mungkin boleh dijumpai melalui analisis dokumen sama ada daripada dokumen awam ataupun dokumen individual seperti diari, surat serta nota individual. Menurut Creswell (2005) jenis dokumen yang dipilih untuk mengumpul data kualitatif mesti boleh membekalkan informasi untuk menjawab soalan kajian, mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan dan sekiranya perlu pengkaji boleh meminta peserta membekalkan

jurnal atau diari, namun tujuan serta garis panduan untuk menyediakan jurnal atau diari mesti diberitahu.

Dalam kajian ini dokumen formal seperti dokumen kurikulum dan individu seperti jurnal atau diari pensyarah dan pelajar juga digunakan sebagai data. Dokumen kurikulum bahasa Mandarin untuk kajian ini seperti informasi kursus, sukatan pelajaran, garis panduan kursus, spesifikasi penilaian, bahan pengajaran seperti buku teks dianalisis dan diteliti secara mendalam untuk menjawab soalan kajian ini. Penerangan dan panduan secara ringkas tentang penulisan jurnal telah diberitahu kepada peserta setelah peserta bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jurnal pensyarah digunakan untuk mendapat informasi pensyarah tentang pengajaran bahasa Mandarin sebelum dan selepas kelas dijalankan. Refleksi pensyarah tentang pelaksanaan kurikulum pengajaran dapat memperkayakan data yang dikumpul melalui pemerhatian kelas dan temu bual. Walau bagaimanapun, pensyarah tidak banyak memberi data melalui saluran ini.

Pelajar yang terlibat dalam kajian ini membuat refleksi tentang pembelajaran yang mereka alami di luar dan dalam kelas serta pencapaian akademik mereka untuk semester ini melalui jurnal. Pelajar merekod perasaan, pencapaian, pandangan, masalah dan cadangan mereka tentang kelas bahasa Mandarin yang disampaikan oleh pensyarah dalam jurnal. Tambahan, mereka juga menulis dalam jurnal tentang perkara yang mereka tidak dapat sampaikan semasa temu bual. Pelajar agak aktif menulis jurnal jika dibandingkan dengan pensyarah, kecuali terdapat dua orang pelajar, yakni Lisa dan Khamal tidak pernah menulis jurnal berkenaan dengan kajian ini sepanjang masa kajian ini dijalankan. Peserta kajian dibenarkan menggunakan bahasa yang mereka biasa selesa untuk menerangkan pengalaman atau pandangan masing-masing dalam jurnal. Kesemua peserta pelajar menggunakan bahasa Melayu untuk menulis jurnal kecuali terdapat dua orang pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris bercampur dengan

bahasa Melayu. Manakala Hanna dan Terry menggunakan bahasa Mandarin untuk menulis jurnal. Kesemua jurnal yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan Mandarin telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu.

Jadual 3.3: Tarikh Pemerhatian Kelas, Temu Bual dan Penerimaan Jurnal

Perserta kajian	Pemerhatian	Temu bual	Penerimaan Jurnal
Hanna	Pemerhatian 1: 21/9/2012 Pemerhatian 2: 12/10/2012 Pemerhatian 3: 19/10/2012	Temu Bual 1: 25/9/2012 Temu Bual 2: 17/10/2012 Temu Bual 3: 19/12/2012	21/9/2012; 5/10/2012; 8/11/2012; 1/12/2012; 10/12/2012; 17/12/2012; 19/12/2012; 1/4/2013
Aiman		Temu Bual 1: 27/9/2012 Temu Bual 2: 18/10/2012 Temu Bual 3: 24/12/2012	12/9/2012; 21/9/2012; 19/10/2012; 3/11/2012; 16/11/2012; 23/11/2012; 25/11/2012; 26/11/2012; 27/3/2013
Daim		Temu Bual 1: 27/9/2012 Temu Bual 2: 18/10/2012 Temu Bual 3: 24/12/2012	21/9/2012; 27/9/2012; 28/9/2012; 6/10/2012; 12/10/2012; 19/10/2012; 3/11/2012; 9/11/2012; 16/11/2012; 23/11/2012; 7/12/2012; 14/12/2012; 21/3/2013
Ehsan		Temu Bual 1: 25/9/2012 Temu Bual 2: 17/10/2012 Temu Bual 3: 24/12/2012	28/9/2012; 30/9/2012; 6/10/2012; 15/10/2012; 3/11/2012; 17/11/2012; 24/11/2012; 10/3/2013
Sophia		Temu Bual 1: 28/9/2012 Temu Bual 2: 15/10/2012 Temu Bual 3: 21/12/2012	21/12/2012; 2/4/2013
Lisa	Pemerhatian 1: 26/9/2012 Pemerhatian 2: 10/10/2012 Pemerhatian 3: 14/10/2012	Temu Bual 1: 1/10/2012 Temu Bual 2: 18/10/2012 Temu Bual 3: 6/12/2012	Tidak pernah menerima jurnal daripada peserta ini.
Rizal		Temu Bual 1: 28/9/2012 Temu Bual 2: 18/10/2012 Temu Bual 3: 7/12/2012	12/9/2012; 22/10/2012; 24/10/2012; 31/10/2012; 7/11/2012; 14/11/2012; 20/11/2012; 21/11/2012; 22/11/2012; 7/3/2013
Sheila		Temu Bual 1: 1/10/2012 Temu Bual 2: 15/10/2012 Temu Bual 3: 4/12/2012	9/10/2012; 14/10/2012; 16/10/2012; 21/10/2012; 22/10/2012; 28/10/2012; 30/10/2012; 4/11/2012; 6/11/2012; 20/11/2012; 25/11/2012; 2/12/2012; 29/3/2013



‘Jadual 3.3, sambungan’

Peserta kajian	Pemerhatian	Temu bual	Penerimaan Jurnal
Terry	Pemerhatian 1: 3/10/2012 Pemerhatian 2: 17/10/2012 Pemerhatian 3: 28/10/2012	Temu Bual 1: 9/10/2012 Temu Bual 2: 25/10/2012 Temu Bual 3: 19/11/2012	1/1/2013
Farah		Temu Bual 1: 8/10/2012 Temu Bual 2: 22/10/2012 Temu Bual 3: 21/12/2012	3/10/2012; 4/10/2012; 6/10/2012; 8/10/2012; 10/10/2012; 17/10/2012; 22/10/2012; 31/10/2012; 7/11/2012; 10/11/2012; 14/11/2012; 22/11/2012; 29/11/2012; 6/12/2012; 13/12/2012; 20/12/2012; 22/12/2012; 11/3/2313
Khamal		Temu Bual 1: 8/10/2012 Temu Bual 2: 22/10/2012 Temu Bual 3: 18/12/2012	Tidak pernah menerima jurnal daripada peserta ini.
Melini		Temu Bual 1: 4/10/2012 Temu Bual 2: 23/10/2012 Temu Bual 3: 18/12/2012	4/10/2012; 21/10/2012; 31/10/2012; 7/11/2012; 11/11/2012; 12/11/2012; 18/12/2012

Jadual 3.3 menunjukkan tarikh-tarikh pemerhatian kelas, temu bual dan penerimaan jurnal daripada peserta kajian. Tarikh pemerhatian kelas telah dirancang bersama pensyarah berkenaan sebelum bermula kerja lapangan. Manakala, tarikh temu bual untuk duabelas orang peserta ditentukan selepas setiap pemerhatian kelas dilaksanakan. Langkah ini merupakan salah satu protokol prosedur memungut data yang diterangkan oleh Yin (2003).

### 3.8 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kajian lapangan mula dilakukan untuk mengumpul data, pengkaji telah mendapat surat kebenaran daripada fakulti untuk menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji mendapat dokumen-dokumen kurikulum kursus bahasa Mandarin daripada Unit Bahasa Mandarin di universiti ini.

Peserta yang terlibat diberitahu secara lisan untuk mendapat persetujuan daripada mereka sebelum surat persetujuan ditandatangani. Pensyarah diberi kebebasan untuk memilih satu daripada kelas bahasa Mandarin pada tahap III untuk menjadi pemerhatian kelas, dengan syarat tidak ada pertindihan masa dengan kelas peserta pensyarah yang lain.

Pengkaji menyakinkan peserta kajian bahawa kajian ini bukan untuk menilai pensyarah dan pelajar, bahkan dapat meningkatkan kualiti pensyarah dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin secara amnya, disamping itu menambah baik kurikulum kursus bahasa Mandarin yang ditawarkan di universiti ini.

### **3.9 Prosedur Penganalisis Data**

Menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan setakat mengekod dan membentuk tema-tema untuk data yang dipungut, *“It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking questions about the data, and so on, making comparisons between data, and in doing so, deriving concepts to stand for those data, then developing those concepts in terms of their properties and dimensions* (hlm. 66). Beliau menerangkan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan terhadap data yang dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul.

Merriam (1998) mengatakan pengumpulan data dan penganalisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Analisis bermula pada temu bual pertama, pemerhatian pertama dan pembacaan dokumen pertama. Dengan kata lain, analisis data dijalankan semasa data pertama diperolehi. Proses analisis data dijalankan berterusan sepanjang masa kajian ini dilaksanakan. Merriam menerangkan seterusnya bahawa mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengumpulan data juga amat penting. Ini akan membantu pengkaji menyediakan soalan untuk ditanya atau

perhatikan pada temu bual atau pemerhatian seterusnya. Tanpa analisis data yang dikumpul sepanjang masa kajian dijalankan akan menyebabkan data yang dipungut tidak fokus dan berulang.

Dalam kajian ini, semua data yang dikumpul dimasukkan dalam perisian Nvivo 10 sebelum analisis data dilaksanakan. Setiap temu bual dirakam secara audio dan mentranskripsikan data-data secara verbatim merupakan langkah pertama yang dilakukan setelah temu bual. Selepas itu, data yang telah ditranskripsikan dibaca berulang kali untuk memperolehi fahaman yang mendalam sebelum mengkategorikan data.

Strategi untuk mengkategorikan data adalah dengan menggunakan cadangan alat analitik yang dikemukakan oleh Corbin dan Strauss (2008) seperti bertanya soalan, membuat perbandingan, memikirkan pelbagai maksud terhadap sesuatu perkataan, pengalaman individu dan sebagainya. Namun, alat analitik yang paling banyak digunakan semasa proses analisis untuk kajian ini termasuk bertanya soalan dan membuat perbandingan. Melalui bertanya soalan dan memikirkan kemungkinan jawapan dari pelbagai sudut dapat membantu pengkaji memahami fenomena kajian daripada persepsi peserta. Membuat perbandingan melibatkan proses membandingkan data dari segi kesamaan dan kelainan kejadian atau peristiwa sebelum membentuk tema-tema dan mengkategorikan data.

Secara amnya, metodologi kajian kualitatif ini boleh diringkaskan dengan menggunakan matrik metodologi jadual 3.4 seperti yang dipaparkan di bawah:

Jadual 3.4: Matrik Metodologi Kajian

Soalan Kajian	Peserta	Instrumen Kajian				Penganalisan
		PK	TB	Dok	Jur	
1. Bagaimanakah pensyarah melaksanakan kurikulum bertulis bahasa Mandarin dalam kelas?	3 Pensyarah 9 Pelajar	√	√	√	√	NVivo Kaedah soal jawab Perbandingan
Soalan Kajian	Peserta	Instrumen Kajian				Penganalisan
		PK	TB	Dok	Jur	
2. (i).Apakah kurikulum Bahasa Mandarin yang dipelajari pelajar dalam kelas?  (ii). Apakah pengalaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin?	3 Pensyarah 9 Pelajar  9 Pelajar	√  √	√  √	√  √	√  √	Nvivo Kaedah soal jawab Perbandingan
3. Bagaimanakah kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin?	3 Pensyarah 9 Pelajar	√	√	√	√	Mengaplikasikan dapatan analisis daripada soalan 1 dan soalan 2.

### 3.10 Strategi Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan

Creswell (2005) mengatakan “*Qualitative research is interpretive research, and you will need to make sense of the findings .... your personal views can never be kept separate from interpretation, personal reflections about the meaning of the data are included in the research*”(hlm. 251). Dengan kata lain, kajian kualitatif memerlukan pengkaji berkenaan memberi makna kepada data-data yang dikumpul, maka interpretasi

data bergantung kepada kebijaksanaan dan pengalaman pengkaji. Memandangkan pengkaji ialah “manusia”, maka kecuaiian atau ketidakarifan mungkin berlaku semasa memilih data ataupun memberi makna kepada data yang dikutip. Justeru itu, langkah-langkah tertentu harus dijalankan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul supaya dapatan kajian adalah konsisten dan boleh dipercayai.

Lincoln dan Guba (1985) mengemukakan empat kriteria iaitu kredibiliti, kebolehpindahan, keboleharapan dan *confirmability* untuk mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan empat kriteria Lincoln dan Guba (1985) tersebut untuk menyukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Prosedur dan teknik-teknik yang diaplikasikan adalah seperti yang diterangkan berikut:

#### I. Kredibiliti

Kredibiliti ialah kriteria yang digunakan untuk menyakinkan kebenaran dapatan. Kajian ini mengaplikasikan pelbagai teknik untuk memastikan kebenaran dapatan kajian. Pemerhatian kelas dan temu bual dijalankan dalam tempoh empat bulan iaitu bersamaan dengan satu semester untuk memastikan pemerhatian yang berterusan dan berpanjangan. Di samping itu, kajian lapangan yang berpanjangan dan berterusan juga dapat mewujudkan hubungan yang baik dan kepercayaan antara anggota tapak kajian dengan pengkaji. Menurut Lincoln dan Guba (1985), penglibatan dan pemerhatian berpanjangan membekalkan skop data yang mendalam.

Selain itu, teknik triangulasi juga digunakan untuk memastikan kredibiliti dapatan kajian. Menurut Creswell (2005) triangulasi ialah satu proses untuk mendapat data daripada pelbagai kaedah dan individu. Untuk ini, protokol kajian kualitatif seperti pemerhatian, temu bual, dokumen analisis telah digunakan untuk mendapat data daripada pelbagai sumber untuk kajian ini. Dari segi bilangan peserta, terdapat seramai tiga orang pensyarah dan sembilan orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Ini bermakna

data-data kajian yang dikutip dapat dibukti melalui pelbagai kaedah kajian dan bilangan peserta. Triangulasi tersebut dapat memperkayakan kesahan dalaman dapatan kajian (Merriam, 1998).

Langkah terakhir untuk memastikan kredibiliti kajian ini ialah semakan peserta. Setelah menganalisis data dan menyiapkan laporan untuk kajian ini, laporan berkenaan diberi kepada peserta kajian untuk disemak. Ini adalah untuk memastikan data yang diinterpretasikan dalam laporan adalah benar, yakni seperti yang ingin disampaikan oleh peserta.

## II. Kebolehpindahan

Kebolehpindahan adalah untuk memastikan dapatan kajian boleh diaplikasikan dalam konteks lain. Mengikut Lincoln dan Guba (1985) deskripsi yang kaya dan terperinci (*thick*) merupakan satu kaedah untuk mencapai kesahan luaran. Dapatan kajian ini diperolehi daripada data deskripsi yang dikumpul daripada pelbagai sumber yang menerangkan fenomena yang dikaji secara terperinci dan mendalam. Namun, kajian kualitatif bukan untuk mencari kebenaran umum atau membuat generalisasi terhadap sesuatu fenomena yang dikaji seperti kajian kuantitatif, malahan objektif kajian kualitatif adalah untuk memahami sesuatu fenomena secara mendalam. Ini bermakna sejauhmana dapatan kajian boleh diaplikasikan kepada situasi yang lain bukan objektif kajian kualitatif (Merriam, 1998).

## III. Kebolehharian

Kebolehharian diaplikasikan untuk memastikan dapatan kajian adalah konsisten dan boleh diulangi. Kriteria tersebut adalah bersamaan dengan kebolehpercayaan kajian (Merriam, 1998). Ini bermakna sekiranya kajian yang sama diulangi, dapatan yang sama akan ditemui. Merriam menghujahkan bahawa dalam kajian kualitatif, manusia ialah instrumen kajian, maka ulangi kajian kualitatif tidak

semestinya akan mendapat dapatan kajian yang sama. Namun, masalah ini dapat diatasi ataupun menjadikan dapatan kajian lebih boleh dipercayai melalui latihan dan praktik.

Sungguhpun begitu, semakan penyelia untuk kajian merupakan teknik yang diaplikasikan untuk mendapat kebolehharian kajian ini. Penyelia adalah sebagai audit luaran yang tidak terlibat dalam proses kajian ini. Tujuan tersebut adalah untuk menilai ketepatan dapatan, interpretasi dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan data yang dikumpul.

#### IV. *Confirmability*

*Confirmability* adalah untuk memastikan tahap keneutralan dapatan kajian yang dibentuk ialah data dipungut daripada peserta, bukan daripada bias dan minat pengkaji. Andaian-andaian peranan pengkaji dinyatakan dalam kajian ini untuk menyelakkan bias pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji memainkan peranan sebagai pemerhatian tanpa mengambil bahagian dalam kelas. Pengkaji merupakan salah seorang daripada pensyarah yang mengajar bahasa Mandarin di universiti ini, maka pratanggapan dan pengalaman pengkaji dalam bidang ini mungkin menyebabkan bias berlaku. Namun, Malterud (2001) mengatakan pratanggapan tidak bersama dengan bias, kecuali pengkaji tidak menyatakan.

Untuk ini, jejak audit telah dilakukan semasa kajian ini dijalankan. Jejak audit tersebut menerangkan prosedur kajian ini dijalankan daripada peringkat mencari tajuk kepada peringkat untuk mengumpul data sehingga peringkat menulis laporan kajian. Langkah tersebut melaporkan secara tulus pelaksanaan kajian ini. Selain itu, refleksi pengkaji juga digunakan untuk memastikan *confirmability* kajian ini. Refleksi pengkaji dibuat setelah setiap pemerhatian kelas dan temu bual. Refleksi pengkaji juga dibuat pada bila-bila masa sekiranya terdapat sesuatu pandangan atau persepsi tentang kajian ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, jadual 3.4 meringkaskan prosedur dan teknik yang digunakan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

Jadual 3.5: Presedur Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kriteria	Teknik	Peringkat Kajian	Bukti
Kredibiliti (Kesahan Dalam)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keterlibatan Berpanjangan</li> <li>• Pemerhatian Berterusan</li> <li>• Triangulasi</li> <li>• Semakan peserta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu Semester ataupun 14 minggu</li> <li>• Pengumpulan data</li> <li>• Pengumpulan data</li> <li>• Setelah tamat menganalisis data</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai tarikh pemerhatian kelas, temu bual dan penerimaan jurnal</li> <li>• 3 kali setiap kelas</li> <li>• Pelbagai sumber data: pemerhatian kelas, temu bual, dokumen</li> <li>• Berbincang dengan peserta secara tidak formal</li> </ul>
Kebolehpindahan (Kesahan Luaran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Deskripsi Terperinci</li> <li>• Prosedur Mengekod dan analisis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan data daripada 3 kelas</li> <li>• Analisis Data</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan analisis</li> </ul>
Kebolehharapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Audit Inkuiri</li> <li>• Menyatakan bias pengkaji</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Analisis data dan laporan</li> <li>• Reka bentuk kajian dan analisis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan penyelia</li> <li>• Laporan kajian</li> </ul>
<i>Confirmability</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jejak Audit</li> <li>• Membuat Refleksi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepanjang masa kajian dilaksanakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Protokol kajian, data mentah, pengendalian data dengan Nvivo, mengkod dan mengkategori</li> <li>• Jurnal pengkaji</li> </ul>